




UMP diiktiraf di persada antarabangsa

Oleh [Asrol Awang](#) - Ogos 6, 2022 @ 5:18pm

bhnews@bh.com.my



Yuserrie bertukar MoU dengan Rektor Ankara Medipol University, Prof Ahmed Zeki Sengil disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Ankara, Turkiye. - Foto ihsan UMP

Kuantan: Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan terus berusaha untuk mengungguli dalam bidang penyelidikan dan inovasi pada masa akan datang.

Ia dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan teknologi UMP melalui bilangan produk ciptaan dan penghasilan penemuan atau teknologi baharu berimpak tinggi yang akan memberi manfaat besar kepada komuniti dan peringkat antarabangsa.

Malah, Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) juga dilihat akan memberi lonjakan terhadap sistem pendidikan negara.

Setakat ini, pelbagai kejayaan yang dicapai UMP dalam meningkatkan universiti itu ke tahap pendidikan tinggi global.

Perancangan Pelan Strategik UMP 2021-2025 kini bakal meletakkan UMP untuk terus mencapai kegemilangan dengan enam objektif strategik.

Ia merangkumi keunggulan Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) aras tinggi, inovasi dengan kolaborasi industri, pemerksaan teknologi berimpak tinggi, kelestarian kewangan, kecemerlangan ekosistem universiti dan keusahawanan graduan.

Pengantarabangsaan program dual ijazah UMP kini sedang berkembang pesat dan UMP sentiasa menambah nilai program akademik melalui proses penanda aras secara berterusan menggunakan model bertaraf dunia.

Pada masa sama, UMP mempunyai tenaga akademik yang mampu menghasilkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berimpak tinggi.

Ini dibuktikan apabila 12 pensyarah UMP tersenarai antara dua peratus saintis terbaik di dunia berdasarkan data daripada Stanford University yang berpangkalan di Amerika Syarikat.

Bagi Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, UMP menunjukkan prestasi antara 57 peratus teratas dan mengekalkan kedudukan 801-1000 di dalam penarafan QS World University Rankings 2023 (QS WUR) yang dikeluarkan oleh agensi penarafan *Quacquarelli Symonds (QS) Limited* yang berpangkalan di London.

Bukti komitmen UMP

Katanya, sistem ranking itu menilai dalam tiga bidang utama iaitu impak penyelidikan, pengajaran dan pengantarabangsaan.

"QS WUR adalah penarafan antarabangsa bagi institusi pengajian tinggi yang menilai berdasarkan reputasi akademik, reputasi majikan, nisbah bilangan pensyarah dengan pelajar, petikan akademik pensyarah, nisbah pensyarah antarabangsa dan nisbah pelajar antarabangsa.



Pengerusi Lembaga Pengarah UMP Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman (tengah), Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Mohd Rosli Hainin (kiri) dan Presiden Persatuan Jurutera Malaysia-Jerman, Ruzaidi Abdul Rashid menunjukkan dokumen MoA.

"Pencapaian ini membuktikan komitmen UMP untuk memperkasakan aspek pengantarabangsa universiti dalam meneruskan agenda kolaborasi antarabangsa universiti terkemuka.

"Jalinan kerjasama program UMP dengan institusi Jerman bermula sejak 2010 kini diperluas ke China dan Kazakhstan serta bakal diperluas ke Amerika Syarikat dan negara Eropah lain," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, UMP optimis untuk menghadapi cabaran yang lebih besar iaitu dengan mengukuhkan penarafan yang lebih tinggi dan terbaik dunia.

Katanya, reputasi UMP terus menyerlah di pentas global sejajar hala tuju Pelan Strategik UMP 2021-2025 menjadi universiti teknologi terunggul.

"Kerjasama UMP dan Beijing Jiatong University (BJTU) China bagi Program Dual Ijazah UMP-BJTU membabitkan bidang Kejuruteraan Awam, Mekanikal dan Elektrikal ini bakal menyumbang terhadap pembangunan industri rel negara.

"Selain itu, pertumbuhan sektor pembuatan dan industri di Malaysia pada masa kini memerlukan lebih banyak tenaga pakar dan berkemahiran dalam pelbagai bidang teknologi.

"UMP dilantik sebagai Universiti Fokal bagi Program Latihan Kemahiran Industri Lualan Rel Pantai Timur (ECRL) yang menjadi peneraju Program Latihan Kemahiran Industri ECRL hasil rundingan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Malaysia Rail Link (MRL) dan Syarikat Komunikasi dan Pembinaan China (CCCC) sejak 2017," katanya.

Yuserrie berkata, UMP dan Yayasan UMP memeterai perjanjian bersama Malaysian Engineering Community (MEC) Jerman bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan menerusi pelaksanaan German Industry Employability Programme (GIEP) yang bakal memanfaatkan pelajar bagi penempatan kerjaya di Jerman.



Yuserrie menerima replika kunci kenderaan daripada Ketua Pegawai Operasi PERODUA Sales Sdn Bhd, JH Rozman Jaafar (dua dari kanan) sebagai penghargaan Anugerah Khas buat UMP.

Hab kerjaya antarabangsa

Katanya, dengan kerjasama itu dapat membangunkan satu hab kerjaya antarabangsa untuk menjadi pusat sehati bagi pembangunan pelajar dan graduan UMP berkaitan kerjaya antarabangsa.

"Pada masa sama, dapat meningkatkan nilai tambah untuk memastikan pelajar mahir teknologi selaras Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) terutama dalam kecerdasan buatan (AI) dan *Internet Of Thing* (IoT).

"Yayasan UMP juga akan berperanan dalam menjayakan pelaksanaan program eksklusif ini yang bakal ditawarkan kepada pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik," katanya.

Beliau berkata, hab kerjaya akan merangka kurikulum tambahan untuk meningkatkan penguasaan pelajar dan graduan dalam Bahasa Jerman, menyediakan pelajar untuk memohon penempatan di Jerman secara lebih sistematik dan berstruktur dan juga memperkuat jati diri peserta untuk berkhidmat kepada negara.

Katanya, sehingga kini, seramai 181 pelajar UMP berjaya menamatkan program kerjasama (dual ijazah) membabitkan 108 orang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dan 66 orang mengikuti program dual ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif.

"Tujuh graduan pula berjaya menamatkan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan," katanya.

Hubungan baik itu membolehkan UMP bekerjasama dengan nama besar dalam industri dari Jerman seperti Mercedes-Benz, Volkswagen, BMW, Robert Bosch, Muehlbauer Technologies dan Elektrisola yang memberi peluang penempatan latihan industri, pertukaran staf, lawatan industri dan peluang pekerjaan.

Hasil kerjasama pihak UMP dan Majlis Amanah Rakyat (MARA), seramai 21 pelajar kini sedang mengikuti Program Pembangunan Bakat Muda (YTP) bagi menyambung pengajian bermula pada peringkat persediaan hingga ke peringkat ijazah pertama di IPT terpilih di luar negara.

"Pencapaian ini bertepatan dengan aspirasi kegemilangan UMP untuk menjadi universiti teknologi terunggul menjelang 2050 yang bukan sahaja mendapat pengiktirafan setempat tetapi juga di peringkat antarabangsa.

"Sistem penilaian ini memberi ruang dan peluang kepada UMP untuk membuat dasar termasuk penetapan dasar penting sekali gus menyemarakkan usaha membangunkan serta memantapkan pencapaian universiti di negara ini," katanya.

UMP sentiasa komited untuk menyempurnakan peranan dan tanggungjawab sosialnya selaras dengan agenda Teknologi Untuk Masyarakat yang mendasari pelan yang komited untuk membangunkan potensi dan daya saing universiti ini untuk membawa ilmu pengetahuan dan teknologi ke lapangan masyarakat.

UMP bertekad untuk cemerlang dalam menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan teknologi aras tinggi yang dipacu bersama komuniti melalui ekosistem keusahawanan sosial.

Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kali Ke-16

- **4,083** graduan (2021)
 - Doktor falsafah **280**
 - Sarjana **2213**
 - Graduan Sarjana Muda,
Dual Ijazah **22**
 - Diploma **506**
 - UMP Advanced **1,062**
- Diadakan mulai 6 hingga 9
Ogos ini di Dewan Kompleks
Sukan UMP Gambang
- UMP telah melahirkan **38,988**
graduan

Pengiktirafan Dan Penarafan

- **QS World University Ranking :
Asia (2022)** - Kedudukan **129**
terbaik di Asia, kedudukan
sembilan **9** terbaik antara
universiti di Malaysia dan terbaik
antara universiti teknikal (MTUN)
di Malaysia.

- **Program Dual Ijazah UMP**
membabitkan kerjasama Kazakh
National Agrarian University
(KAZNAU) Kazakhstan, Beijing
Jiaotong University (BJTU) China,
Tianjin University (TJU) China,
Karlsruhe University of Applied
Sciences (HKA) Jerman,
Mannheim University of Applied
Sciences (HsMA) Jerman, dan
Reutlingen University (HsRT)
Jerman.

- **Sistem Penilaian Quacquarelli
Symonds (QS) Stars Rating 2022**
- Penarafan lima bintang bagi
lapan kategori iaitu pengajaran,
kebolehpasaran pekerjaan,
pengantarabangsaan,
penyelidikan, kemudahan,
kekuatan program akademik
(Kejuruteraan Mekanikal), inovasi
dan inklusif (keterangkuman).

- **THE Impact Rankings 2022** -
351-400 terbaik dunia dan lapan
terbaik Malaysia.

- **QS World University Rankings
by Subject** - 151-200 Kejuruteraan
(Kimia), 301-350 Kejuruteraan
(Mekanikal, Aeronautical & Pem-
buatan), 357 Kejuruteraan dan
Teknologi, 401-450 Kejuruteraan
(Elektrik & Elektronik), 451-500
Kimia, 601-650 Sains Komputer &
IT.

- Universiti pertama dalam
kalangan universiti awam yang
mendapat **Sijil Bersih Ketua Audit
Negara** bermula tahun kewangan
2012 sehingga 2021 (10 tahun)
-